

LAKUAN BAHASA EKSPRESI TUN DR. MAHATHIR: KAJIAN KES TERHADAP 40 ARTIKEL CHEDET.CC

Abd Ganing Laengkang¹

Rohaidah Haron²

Ab Razak Ab Karim³

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan terhadap salah satu kategori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Searle (1969), iaitu lakuan ekspresi. Lakuan ekspresi ialah ujaran-ujaran yang menunjukkan pernyataan psikologi yang memberi gambaran tentang sikap dan perasaan penutur. Analisis kajian ini dilakukan terhadap ujaran-ujaran yang terdapat dalam 40 artikel kritikan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB. Analisis mendapati lakuan ekspresi menunjukkan bilangan ujaran paling sedikit berbanding dengan kategori lakuan bahasa yang lain, iaitu sebanyak 20 kekerapan. Lakuan pernyataan mencatatkan kekerapan tertinggi, dengan jumlah kekerapan sebanyak 1302 ujaran, diikuti oleh lakuan kritikan di tempat kedua dengan kekerapan sebanyak 828. Lakuan rujukan dan lakuan arahan masing-masing dengan kekerapan sebanyak 297 dan 128. Hal ini menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir melakukan kritikan tanpa mengutamakan ekspresi perasaan atau emosi. Sebanyak tujuh sublakuan ekspresi yang ditemui, iaitu lakuan bimbang, hairan, ucapan selamat, kehendak, enggan, minta maaf, dan ucapan terima kasih. Hal ini merumuskan bahawa dalam kritikan, khususnya kritikan bertulis, Tun Dr. Mahathir tidak menunjukkan ekspresi emosi yang berlebihan.

Kata kunci: *Lakuan bahasa, ekspresi, kritikan, Tun Dr. Mahathir*

PENGENALAN

Searle yang merupakan anak murid Austin turut membahaskan teori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Austin. Beliau mengembangkan dan mengemas kini idea lakuan bahasa yang dikemukakan oleh Austin melalui buku beliau yang bertajuk *Speech Act* (1969). Selain itu, beliau (1981:12-29) juga menghuraikan secara ringkas kelemahan taksonomi Austin melalui bukunya *Expression and Meaning: Studies in the Theory of Speech Act*. Beliau memberikan kategori alternatif dalam analisis lakuan bahasa. Searle memberi tumpuan terhadap huraian tentang pengertian istilah-istilah dalam lakuan bahasa Austin. Searle tidak menolak konsep lakuan ilokusi, sebaliknya, menerima pakai konsep ini untuk

¹ Calon Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. abdulganing@kuis.edu.my

² Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. eyda1826@um.edu.my

³ Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. abrazak@um.edu.my

mengemas kini kategori lakuan bahasa. Beliau melihat kategori lakuan Austin tidak kemas dan mengalami pertindanan antara satu sama lain. Beliau memperkenalkan istilah baharu bagi dalam analisis lakuan bahasa. Searle memecahkan lakuan bahasa kepada lima kategori. Pengkategorian ini berdasarkan tujuan dan fungsi sesuatu ujaran. Lima kategori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Searle ialah Pernyataan (Assertive), Arahan (Directives), Perjanjian (Commissive), Ekspresif (Expressive), dan Pengisytiharan (Declarations).

Lakuan ekspresi bermaksud ujaran-ujaran yang mengandungi pernyataan psikologi atau emosi-emosi tertentu. Ia juga merupakan satu bentuk reaksi atau respons psikologi terhadap sesuatu keadaan atau tindakan orang lain. Selain itu, ia juga menggambarkan sikap dan perasaan penutur kepada pendengar. Kajian ini menyenaraikan tujuh jenis lakuan ekspresi, iaitu lakuan bimbang, ucapan selamat, ucapan terima kasih, hairan, minta maaf, percaya dan enggan. Huraian berikut berkaitan dengan subkategori lakuan ekspresi berserta dengan contoh-contohnya.

Secara khususnya, kajian ini merupakan salah satu aspek kajian lakuan bahasa kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap isu 1MDB. Dalam kajian tersebut, pengkaji mendapati lima kategori lakuan, iaitu lakuan pernyataan, lakuan kritikan, lakuan rujukan, lakuan arahan dan lakuan ekspresi. Kajian ini akan memperlihatkan dapat secara umum kelima-lima kategori tersebut, kemudian memberikan tumpuan terhadap lakuan ekspresi. Hal ini bagi memperlihatkan hubungan lakuan ekspresi dengan kategori lakuan yang dalam kritikan.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengenal pasti bentuk-bentuk lakuan Tun Dr. Mahathir dalam penulisan artikel berkaitan dengan 1MDB.
2. Menganalisis lakuan ekspresi oleh Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB.

BAHAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis artikel yang ditulis oleh Tun Dr. Mahathir dalam blog *chedet.cc*. Blog ini dibangunkan pada 2008. Namun demikian, artikel berkenaan dengan 1MDB bermula sejak 2014 hingga kini Mei 2018. Sebanyak 180 artikel berkaitan dengan 1MDB telah diterbitkan. Namun demikian, kajian ini hanya menganalisis 40 artikel. Tinjauan juga mendapati terdapat tiga versi artikel, iaitu (i) artikel berbahasa Melayu sahaja, (ii) artikel berbahasa Melayu dan diikuti terjemahan bahasa Inggeris, dan (iii) artikel berbahasa Inggeris sahaja. Jumlah pelawat blog *chedet.cc* adalah sebanyak 26.7 juta pada Ogos 2017, jumlah itu meningkat kepada 28.75 juta pada April 2018, dan terus meningkat sehingga 29.65 juta pada Ogos 2018. Jumlah ini menunjukkan bahawa blog Tun Dr. Mahathir mendapat perhatian masyarakat.

KAEDAH DAN KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks. Data kajian dimuat turun melalui blog chedet.cc yang diakses pada 28 April 2018. Kemudian data dianalisis berdasarkan kerangka teoretis. Kajian ini mengaplikasikan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Austin (1962) dan Searle (1969). Namun demikian, kedua-dua teori tersebut disesuaikan dengan istilah bahasa Melayu. Penyesuaian tersebut menghasilkan lima kategori lakuan bahasa, iaitu lakuan pernyataan, lakuan kritikan, lakuan arahan, lakuan rujukan, dan lakuan ekspresi. Namun demikian, kajian ini hanya menghuraikan sublakuan bahasa ekspresi dan melihat hubungannya secara ringkas dengan kategori lakuan bahasa yang lain.

ANALISIS LAKUAN BAHASA TERHADAP PENULISAN ARTIKEL

Menurut Austin (1962, p. 67), lakuan performatif merupakan kata kerja yang menandakan sesuatu tindakan sedang dilakukan (*doing something*). Selain itu, terdapat syarat lain yang menunjukkan sesuatu sedang dilakukan, iaitu penutur hendaklah (i) orang pertama dengan menggunakan kata ganti diri pertama, (ii) ia diujarkan dalam sistem kala kini (*present tense*), dan (iii) *ayat aktif*. Dalam konteks ini, sesuatu lakuan lebih cenderung kepada situ perbualan. Sehingga timbul perbualan bahasa lakuan bahasa hanya wujud dalam pertuturan atau dalam perbualan bersemuka. Istilah “utterance” yang digunakan oleh Austin (1962, p.67) dalam pernyataan *if issuing the utterance is doing something*, menunjukkan lakuan hanya berlaku dalam perbualan.

Namun demikian, terdapat banyak usaha untuk memasukkan teks atau penulisan sebagai data kajian lakuan bahasa. Hal ini kerana ayat-ayat dalam teks juga mengandungi pelbagai kata performatif. Malah Austin dan Searle sendiri telah menyebut bahawa teks bertulis juga boleh mengandungi lakuan performatif. Austin menyebut seperti berikut:

A sound initial objection to them may be this; and it is not without some importance. In very many cases it is possible to perform an act of exactly the same kind not by uttering words, **whether written or spoken**, but in some other way.

(J.L Austin, p. 8)

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa teks boleh mengandungi tindakan-tindakan tertentu. Searle pula membuat pernyataan seperti berikut:

I believe that speaking or writing in language consist in performing speech act of quite specific kind call “illocutionary act”. These include making statement, asking question, giving order, making promise, apologizing, thanking, and so on.

(Searle, p. 58)

Kedua-dua pengasas lakuan bahasa ini telah menunjukkan bahawa lakuan bahasa tidak terhad kepada perbualan sahaja. Di sini, kajian ini menyenaraikan sarjana yang menggunakan teks sebagai data kajian lakuan bahasa, antaranya ialah Pratt Mary Louise (1975) melalui tesis Doktor falsafah yang bertajuk *Toward a Speech Act Theory of Literary Discourse* dan Manabe Takashi (1984) melalui Tesis Doktor Falsafah yang bertajuk *Speech Act Theory Based interpretation For Written Text*. Kemudian diikuti oleh kajian Doktor Falsafah oleh *Gabriel Piterberg* (1993) yang kemudiannya sebahagian tesis diterbitkan dalam bentuk jurnal, dengan tajuk *Speech Acts and Written Texts: A Reading of a Seventeenth-Century Ottoman Historiographic Episode*. Selain itu, terdapat juga kajian lakuan bahasa dalam bentuk jurnal menggunakan teks sebagai data kajian, antaranya ialah Lorenzo Fiorito (2006), Marc Lloyd (April 2007) Eugene Botha (2007), Jacqueline Visconti (2009), dan Marianne Constable (2011).

Menurut Lorenzo (2006:106), dokumen yang dikategorikan sebagai teks undang-undang boleh dikategorikan berdasarkan lakuan bahasa. Contohnya, surat tawaran lebih cenderung kepada lakuan komisif, sijil dan diploma lebih kepada lakuan pengisytiharan, risalah maklumat cenderung kepada representatif, manakala surat perintah lebih bersifat lakuan arahan, dan sebagainya. Oleh itu, dalam konteks ini, Lorenzo mengaitkan keadaan ini dengan pernyataan Austin sebagai *written performative*. Berdasarkan penerangan ini, maka kajian ini menjadikan penulisan artikel Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB termasuk dalam kerangka analisis lakuan bahasa.

PENULISAN ARTIKEL DALAM BLOG CHEDET.CC SEBAGAI SATU KRITIKAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:830) mendefinisikan kritik sebagai analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera dan sebagainya. Istilah ini juga disinonimkan dengan perkataan teguran keras, kecaman dan bidasan. Selain itu, kamus tersebut mengaitkan istilah kritikan dengan perbuatan mencela, mengecam dan membidas keburukan dan kelemahan seseorang. Berdasarkan penulisan blog tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak mengkritik (mengecam, membidas dan mencela) sistem pengurusan 1MDB. Kajian ini menerima pakai istilah *complaint* sebagai sepadan dengan konsep kritikan, seperti yang diperkenalkan oleh Schaeffer (1982), yang kemudiannya digunakan oleh Marluna Maros (2007). Menurut Schaeffer merupakan satu tindakan *membandingkan apa yang terjadi dan apa yang sepatutnya terjadi*. Kemudian, kritikan itu terjadi atas kesedaran tentang hak yang ada pada seseorang. Berikut ialah ujaran yang menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir mengkritik dan kritikan itu dilakukan atas kesedaran tentang hak untuk mengkritik.

1. Oleh itu, saya akan terus meminta Najib untuk meletakkan jawatan, tidak mempercayai beliau tentang bagaimana beliau mendapat 2.6 bilion Ringgit,

mengkritik pinjaman yang diambil oleh 1MDB dan kerugian yang ditanggung olehnya.

2. Sekarang mereka **mengatakan pengkritik Perdana Menteri** perlu meminta maaf. Meminta maaf untuk apa? Hakikatnya sejumlah besar wang telah hilang... (A7:P1)

Ujaran berikut pula berkaitan dengan kesedaran Tun Dr. Mahathir tentang hak untuk mengkritik.

1. ***Ini adalah hak saya*** sebagai seorang warganegara. Untuk menafi saya hak-hak ini adalah sesuatu yang tidak demokratik.

Berdasarkan ujaran-ujaran di atas, kajian ini merumuskan bahawa penulisan artikel Tun Dr. Mahathir dalam blog chedet.cc ialah penulisan yang bertujuan untuk membuat penilaian-menjurus kepada kritikan dan penilaian negatif.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kerangka teoretis yang dibina, sebanyak 5 kategori lakuan bahasa, iaitu kategori pernyataan, kritikan, rujukan, arahan, dan ekspresi. Berikut ialah hasil kajian berdasarkan lima kategori lakuan.

Kategori	Jumlah	Peratus
Pernyataan	1302	50.6%
Kritikan	828	32.2%
Rujukan	297	11.5%
Arahan	128	5.0%
Ekspresi	20	0.8%
Jumlah Keseluruhan	2575	100

Berdasarkan Jadual di atas, kajian menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan kekerapan bagi lima kategori lakuan adalah sebanyak 2575 kali. Dari segi kedudukan, lakuan pernyataan mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 1302, diikuti oleh lakuan kritikan, dengan kekerapan sebanyak 828 atau 32.2%. Lakuan rujukan berada di tempat ketiga dengan kekerapan sebanyak 297, manakala lakuan arahan dan lakuan ekspresi masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 128 dan 20 kali. Berdasarkan hasil

analisis, kajian ini merumuskan bahawa sesuatu kritikan mengutamakan penyampaian maklumat dan fakta sebelum melakukan kritikan, dan lakukan kritikan itu pula perlu disertakan dengan sumber rujukan yang jelas. Kemudian disusuli lakukan arahan sebagai salah satu bentuk penyelesaian masalah manakala lakukan ekspresi tidak menjadi keutamaan dalam melakukan kritikan.

LAKUAN EKSPRESI

Lakuan ekspresi ialah lakukan yang menunjukkan ujaran-ujaran psikologi atau ujaran-ujaran yang menggambarkan perasaan dan emosi tertentu. Dalam kajian ini, analisis data mendapati 7 jenis lakukan ekspresi, iaitu lakukan bimbang, ucapan selamat, ucapan terima kasih, maaf, kehendak, enggan dan hairan. Selain itu, analisis juga mendapati lakukan ekspresi ini mencatatkan jumlah kekerapan paling rendah, iaitu hanya diaplikasikan sebanyak 20 kali. Jumlah ini meletakkan lakukan ekspresi sebagai jumlah paling rendah berbanding empat kategori lakukan yang lain. Jadual berikut ialah kekerapan jenis-jenis lakukan ekspresi oleh Tun Dr. Mahathir.

Jadual 2: Kekerapan jenis-jenis lakukan ekspresi

No	Subkategori	Kekerapan	Peratus
1	Bimbang	3	
2	Ucapan selamat	2	
3	Terima Kasih	1	
4	Hairan	3	
5	Kehendak	4	
6	Maaf	2	
7	Enggan	5	
Jumlah Keseluruhan		20	

Berdasarkan jadual di atas, lakukan enggan menunjukkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 5 kali, diikuti oleh lakukan kehendak, dengan kekerapan sebanyak 4 kali. Lakukan bimbang dan lakukan hairan masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 3 kali. Lakukan ucapan selamat dan lakukan maaf turut mencatatkan kekerapan yang sama, iaitu dua kali. Lakukan yang mencatatkan paling rendah ialah ucapan terima kasih, iaitu sebanyak sekali sahaja. Jika dibandingkan dengan kategori lakukan bahasa yang lain, kajian merumuskan bahawa kritikan Tun Dr. Mahathir tidak memperlihatkan ekspresi dominan.

Lakuan Bimbang

Lakuan Bimbang ialah lakuan ekspresi perasaan risau terhadap sesuatu perkara yang boleh membawa keburukan atau masalah. Dalam kajian ini, analisis menunjukkan Tun Dr. Mahathir mengekspresikan perasaan bimbang sebanyak 3 kali. Senarai berikut ialah 3 contoh lakuan ekspresi bimbang oleh Tun Dr. Mahathir dalam kritikan beliau.

1. **Ada juga cerita-cerita yang merunsingkan** berkenaan pembiayaan oleh 1MDB. (A1:P15:U2)
2. **Hari ini kita risau** mengenai pelaburan wang haram ... (A28:P9:U2)
3. Tetapi jika tidak ada audit oleh pihak bebas dan penjelasan yang munasabah, **saya khuatir** orang ramai akan percaya cerita dongeng The Edge. (A1:P18:U1)

Berdasarkan contoh di atas, kajian ini mendapati contoh 1 dan contoh 2 mengekspresikan kerisauan dan kebimbangan terhadap pengurusan dan pelaburan 1MDB. Ujaran dalam contoh 1 diujarkan dalam artikel pertama Tun Dr. Mahathir berkaitan 1MDB. Artikel tersebut bertajuk *Saleh Said Karuak Dengan 1MDB*. Dalam artikel tersebut, Tun Dr. Mahathir telah mengetahui beberapa perkara tentang pelaburan yang dibuat oleh 1MDB. Namun demikian, masih banyak perkara yang belum beliau ketahui. Namun demikian, beliau mendengar khabar angin tentang sesuatu yang tidak betul telah dilakukan oleh 1MDB. Oleh sebab itu, beliau mengekspresikan kebimbangan, dengan mengujarkan ujaran dalam contoh 1 di atas. Selepas ujaran tersebut, Tun Dr. Mahathir menyatakan harapan agar Syed Said Keruak dalam memberi penjelasan berkenaan dengan segala pelaburan dan perniagaan 1MDB.

Contoh 2 di atas diujarkan dalam artikel 28 yang bertajuk *Jejak Wang – Laluan “Wang Itu Raja”*. Konteks ujaran tersebut berkaitan dengan wang RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Dato Seri Mohd Najib. Beliau mempertikaikan wang tersebut, termasuk pelaburan yang dibuat. Oleh itu, beliau menyatakan kebimbangan wang tersebut sebagai satu bentuk penggubahan wang haram. Ujaran dalam contoh 3 pula berkaitan dengan laporan akhbar The Edge tentang pelaburan dan perniagaan 1MDB. Akhbar tersebut melaporkan bahawa tabiat 1MDB membayar lebih untuk mendapatkan wang. Akhbar tersebut juga menyebut bahawa pinjaman yang dilakukan oleh 1MDB adalah amat luar biasa banyaknya, iaitu berbilion ringgit. Tun Dr. Mahathir membuat andaian awal bahawa mungkin laporan The Edge itu fitnah. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir meminta siasatan dilakukan dan menyatakan kebimbangan, sekiranya laporan itu tidak disiasat, orang ramai akan mempercayai laporan tersebut. Namun demikian, jika dilihat dari perkataan yang dipilih dalam 3 di atas, beliau menggunakan frasa *percaya cerita dongeng The Edge*. Frasa kerja percaya cerita dongeng bersifat sindiran.

Lakuan Hairan

Hairan merupakan ekspresi perasaan terhadap sesuatu perkara. Lazimnya, perasaan hairan timbul apabila melihat sesuatu perkara di luar daripada kebiasaan. Dalam konteks ini,

analisis mendapati terdapat 3 ekspresi kehairanan oleh Tun Dr. Mahathir dalam kritiknya. Berikut ialah contoh lakuan hairan oleh Tun Dr. Mahathir.

1. Tetapi faedah perlu dibayar ke atas 100% jumlah hutang. **Ini menghairankan!** (A4:P20:U3)
2. **Agak menghairankan** tidak disebut apakah aset 1MDB yang akan menjadi milik IPIC. (A8:14:U1)
3. ..dan kemudian dilaburkan juga tanpa kelulusan, ianya **sebenarnya menghairankan**. (32:P5:U2)

Berdasarkan contoh di atas, kajian ini mendapati ketiga-tiga ujaran di atas mengekspresikan perasaan hairan terhadap pengurusan dana 1MDB. Konteks ujaran satu adalah berkenaan dengan pembelian stesen jana kuasa dengan menggunakan dana yang dipinjam. 1MDB membeli stesen jana kuasa dengan harga lebih dari nilai pasaran. Lesen stesen juga akan tamat tidak lama lagi. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir persoalkan mengapa tidak menunggu lesen itu tama kerana ia akan jauh lebih murah. Sebanyak 10% pinjaman tersebut sebagai komisen diberikan kepada Goldman Sach kerana menguruskan penjualan. Lazimnya, pinjaman kerajaan hanya dikenakan 3% dan komisen hanya 5.9%. Hal ini yang menimbulkan ujaran kehairanan, seperti dalam contoh 1 di atas.

Konteks ujaran dalam contoh 2 pula ialah IPIC telah mengambil bebanan hutang dan faedah 1MDB. Kemudian IPIC menerima aset bernilai USD1 bilion (bersamaan RM3.8 bilion) daripada 1MDB sebagai ganti sebagai ganti. Namun, persoalan timbul apabila aset 1MDB yang akan diberikan kepada IPIC tidak disebut dengan jelas. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir berasa hairan dengan situasi tersebut dan mengekspresikan kehairanannya dalam contoh 2 di atas. Konteks ujaran dalam contoh 3 pula ialah pegawai eksekutif menguruskan pinjaman dan pelaburan bernilai berbilion ringgit tanpa kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB. Oleh itu, timbul persoalan bagaimana pinjaman dan pelaburan yang bernilai berbilion ringgit boleh dilakukan oleh seorang pegawai eksekutif tanpa kelulusan ahli Lembaga Pengarah 1MDB. Maka timbul ekspresi hairan, seperti yang terdapat dalam contoh 3 di atas.

Lakuan Ucapan Selamat

Ucapan selamat ialah ucapan harapan dan doa mengharapkan kebaikan kesejahteraan serta dijauhi segala bentuk gangguan. Selain itu, ucapan selamat juga merupakan ucapan harapan agar apa yang dihajati tercapai. Dalam kajian ini, analisis mendapati lakuan ucapan salam dilakukan sebanyak 2 kali oleh Tun Dr. Mahathir, iaitu seperti berikut:

1. Selamat Bersidang UMNO (A3:P20:U1)
2. Selamat bersidang (25:14:U2)

Konteks ujaran bagi contoh 1 di atas ialah Tun Dr. Mahathir tidak dapat menghadiri mesyuarat Agong UMNO. Tajuk artikel tersebut ialah *Selamat Bersidang UMNO* dan diterbitkan pada 25 November 2014. Beliau mengatakan dia kemungkinan besar dapat tidak

menghadiri sidang tersebut kerana akan ke luar negara. Dalam artikel tersebut, beliau menyuarakan pandangan beliau kepada ahli UMNO dalam sidang tersebut. Selepas mengutarakan pandangannya, di akhir artikel tersebut beliau mengucapkan selamat bersidang. Selepas ucapan salam tersebut, Tun Dr. Mahathir mendoakan kebaikan untuk sidang tersebut. Ujaran dalam contoh 2 pula dilakukan pada 18 Mac 2016 dengan tajuk *Surat kepada Ahli-ali Cawangan UMNO*. Dalam artikel tersebut, beliau mengkritik perjuangan dan kepimpinan UMNO yang dilihat jauh menyimpang daripada perjuangan asal. Selepas kritikan dilakukan, di bahagian akhir artikel tersebut, beliau mengucapkan selamat bersidang. Namun demikian, artikel tersebut tidak menyentuh bila dan di mana sidang itu berlangsung.

Lakuan Kehendak

Ujaran lakuan kehendak merujuk kepada ujaran yang mengekspresikan keinginan sama ada keinginan terhadap benda, perkara atau keinginan untuk melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, analisis mendapati Tun Dr. Mahathir mengekspresikan kehendaknya sebanyak empat kali. Berikut ialah empat ujaran kehendak oleh Tun Dr. Mahathir.

1. Walau bagaimanapun **saya ingin** membuat kenyataan ini juga. (A3:P1:U7)
2. ...**ingin saya tekan** akan pentingnya menegur pemimpin. (A3:P14:U1)
3. Soal yang **saya ingin tanya ialah** apakah Lembaga Hasil Dalam Negeri telah bertindak dengan kuasa yang diberi kepadanya ke atas ... (A9:P8:U1)
4. Tetapi sekarang **saya mahu** dia disingkirkan, meletak jawatan daripada menjadi Perdana Menteri. (A15:P2:U2)

Berdasarkan empat contoh di atas, kajian mendapati contoh 1 hinggan contoh 3 menunjukkan kehendak untuk melakukan sesuatu, manakala contoh 4 pula menunjukkan kehendak terhadap sesuatu. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan kehendak untuk membuat pernyataan, manakala contoh 2 pula menyatakan kehendak untuk menunjukkan kepentingan menegur pemimpin. Contoh 3 pula mengekspresikan kehendak untuk bertanya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ujaran dalam contoh 4 pula berkaitan kehendak terhadap sesuatu, iaitu inginkan Dato Seri Najib untuk meletakkan jawatan dan digantikan dengan pemimpin lain.

Lakuan Enggan

Enggan merupakan ekspresi untuk menyatakan tindakan tidak mahu atau menolak permintaan seseorang. Lazimnya, lakuan ini menunjukkan perbuatan menolak untuk melakukan sesuatu arahan. Analisis mendapati lakuan enggan ini ia sebanyak 5 kali dan menunjukkan lakuan yang tertinggi dalam kategori lakuan ekspresi. Berdasarkan konteks, lakuan enggan ini dilakukan dengan pelbagai sebab. Berikut ialah contoh lakuan enggan.

1. **Jadi saya enggan** menjadi saksi pendakwaan. (A18:P3:U6)
2. **Saya tidak hendak soal** dari mana datang USD 700 juta ini. (A9:P5:U1)
3. **Saya tidak ingin** sentuh 1MDB walaupun saya sebagai rakyat

Ketiga-tiga ujaran di atas menunjukkan lakuan enggan dan ia disebabkan oleh pelbagai faktor. Ujaran dalam contoh 1 menunjukkan Tun Dr. Mahathir menjadi saksi. Artikel yang menunjukkan lakuan enggan tersebut menceritakan ketika Tun Dr. Mahathir diminta oleh pihak polis untuk menjadi saksi kerana telah menyampaikan ucapan di khalayak ramai dalam perhimpunan Bersih. Namun demikian, ketika di sosial siasat, Tun Dr. Mahathir mendapati bahawa ada kemungkinan beliau didakwa atas kesalahan kerana menyertai perhimpunan tanpa permit. Oleh sebab itu, beliau enggan menjadi saksi.

Ujaran dalam contoh 2 pula menunjukkan keengganan untuk mempersoalkan dana USD 700. Konteks menunjukkan bahawa keengganan tersebut disebabkan oleh beliau akan menunggu laporan akhir siasatan Peguam Negara dan Juruaudit Negara. Ujaran dalam contoh 3 pula berkaitan keengganan Tun Dr. Mahathir untuk menyentuh pengurusan 1MDB. Sebaliknya, beliau hendak mempersoalkan adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengutip cukai berkenaan dengan dana RM2.6 bilion. Berdasarkan contoh 2 dan contoh 3, kajian ini merumuskan bahawa keengganan itu disebabkan beliau hendak menunggu laporan siasatan dan menunggu laporan kutipan cukai RM2.6 bilion oleh LHDN. Hal ini juga menunjukkan bahawa keengganan itu adalah untuk mengesahkan kedudukan dana pengurusan 1MDB melalui laporan siasatan Juruaudit Negara dan LHDN.

Lakuan Minta Maaf

Lakuan minta maaf ialah ujaran mengekspresikan sikap penyesalan dan kekesalan ketika melakukan kesilapan-kesilapan tertentu. Ujaran ini juga boleh diujarkan sebelum kesilapan berlaku bagi meredakan keadaan. Dalam kajian ini, lakuan minta maaf hanya dilakukan sebanyak 2 kali. Berikut ialah satu contoh lakuan minta maaf.

1. **Maaf**, saya tidak percaya kepada Peguam Negara. (A28:P15:U11)

Berdasarkan contoh di atas, lakuan maaf di atas dilakukan kerana tidak mempercayai pernyataan yang dibuat oleh Peguam Negara yang mengatakan bahawa Dato Seri Najib tidak terlibat dalam penyelewengan dana 1MDB. Dari segi fungsi, lakuan maaf tersebut kerana tidak mempercayai kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Peguam Negara. Walau bagaimanapun, lakuan ini tidak dominan dalam kritikan.

Lakuan Terima Kasih

Lakuan ucapan terima kasih merupakan satu bentuk ekspresi penghargaan kepada seseorang yang telah berjasa kepada kita. Ucapan ini juga adalah sebahagian daripada amalan kesantunan berbahasa. Dalam konteks ini, analisis mendapati lakuan ucapan terima kasih hanya diujarkan sebanyak sekali sahaja. Berikut ialah ujaran terima kasih yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir.

1. Terima Kasih (A25:P14:U1)

Ujaran *terima kasih* di atas diujarkan di bahagian akhir artikel yang bertajuk Surat kepada Ahli-ahli UMNO. Artikel tersebut berbentuk surat. Oleh itu, lakuan ujaran *terima kasih* adalah sebahagian daripada format surat. Selepas ujaran tersebut, Tun Dr. Mahathir membuat ucapan selamat, kemudian diikuti nama penulis surat dan diakhiri oleh penulisan tarikh.

KESIMPULAN

Kajian merumuskan dua perkara. Pertama ialah kajian lakuan bahasa tidak terhad kepada analisis perbualan. Hal ini kerana penulisan turut mengandungi kata kerja performatif. Rumusan kedua ialah lakuan ekspresi tidak dominan dalam kritikan berbanding lakuan bahas yang lain. Dengan perkataan lain, pernyataan psikologi oleh Tun Dr. Mahathir ketika mengkritik pengurusan IMDB tidak diutamakan, sebaliknya lebih menjuruskan kepada lakuan pernyataan, yang kemudian diikuti oleh lakuan kritikan sendiri.

BIBLIOGRAFI

- Austin, J.L. (1956). *How to Do Things with Words*, Oxford, Clarendon Press.
- Searle, J.R., (1969), *Speech Acts*, Cambridge, Cambridge University Press.
- Searle, J.R.& Vanderveken, D. (1985). *Foundations of Illocutionary Logic*, Cambridge University Press.
- Abdulrahman Alkhirbash, (2010). *Persuasive Language In Selected Speeches Of Tun Dr. Mahathir Mohammad*. Ph.D Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Pratt Mary Louise (1975) melalui tesis Doktor falsafah yang bertajuk *Toward a Speech Act Theory of Literary Discourse*
- Manabe Takashi (1984) melalui Tesis Doktor Falsafah yang bertajuk *Speech Act Theory Based interpretation For Written Text*.
- Gabriel Piterberg (1993) *Speech Acts and Written Texts: A Reading of a Seventeenth-Century Ottoman Historiographic Episode*. *Poetics Today*, Vol. 14, No. 2: Duke University.
- Eugene Botha (2007), *Speech Act Theory and Biblical Interpretation*. *Neotestamenica* 41.2 (2007) 274-294
- Jacqueline Visconti (2009), *Speech Acts In Legal Language: Introduction*. *Journal of Pragmatics* 41 (2009) 393–400.
- Lorenzo Fiorito (2006). *On Performatives in Legal Discourse*. *Metalogicon* (2006) XIX, 2
- Marriane Constable (2011), *Law as Claim to Justice: Legal History and Legal Speech Act*. *Uc Irvine Law Review*. Vol. 1:3